

18/02/2003

Laungan antiperang bukan slogan semusim

Azimi Daim

ADA apa dengan cinta? Ada yang menjawab: "Ada nikmat... syok... gila... best la... gempakkk... susah mau cakap lo... aaaaa... (tak tau nak jawab)."

Tidak kurang juga anak muda dan orang dewasa yang menafikan realiti kehidupan itu. Itulah hasil tinjauan kami di Kuala Lumpur City Centre (KLCC), hujung minggu lalu ketika mengunjungi Pameran Kesan Perang yang berakhir Khamis ini.

Kemudian kami mendengar pelbagai pihak bersuara pada Persidangan Antarabangsa Mengenai Keamanan Sejagat yang padat dengan orang muda, wanita dan dewasa. Kehadiran mangsa perang memantapkan kempen keamanan sejagat Aman Malaysia yang mendapat sokongan padu generasi muda.

Dalam dua tinjauan itu, suara orang muda memang sama, ada apa dengan cinta: Inti segmen hidup itu dikongsi sama oleh mangsa perang, pejuang keamanan mahupun kalau diteliti suara kecil daripada kehidupan biasa di negara aman ini, tanpa mengira perbezaan bangsa, agama dan usia.

Sebab itulah, sokongan dan pembabitan anak muda yang beragama Kristian, Hindu, Buddha atau apa juga fahaman mereka di negara ini kini memberi kesan bersepadu dengan berjuta-juta suara masyarakat dunia yang mahukan keamanan sejagat.

Hasilnya, penjenayah perang seperti tentera dan rejim Israel gentar sehingga menghalang Sekretariat Aman Malaysia daripada membawa Datuk Bandar Jenin ke negara ini. Itulah petanda kemenangan awal perjuangan antiperang, khususnya generasi muda.

Malah, laporan pasaran antarabangsa mengenai pengukuhan nilai dolar Amerika berbanding Euro pagi semalam menunjukkan pelabur yakin niat kuasa

besar hendak menyerang Iraq kini tertangguh. Demikian juga laporan berhubung kuasa besar itu hendak mengkaji cadangan resolusi terbarunya kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Namun, anak muda dan seluruh warga dunia tidak boleh reda daripada melaungkan slogan antiperang. Jika tekanan menghentikan perang mengendur, nafsu kuasa besar hendak menyerang naik semula dan mereka mengambil kesempatan itu melancarkan peluru berpandu pelbagai jenis ke arah lokasi strategik tentera mahupun kediaman dan harta awam.

Hakikatnya, dunia kini sudah sedar daripada kempen media antarabangsa yang didalangi kuasa besar. Dua tahun lalu, kesempatan digunakan mereka daripada peristiwa 11 September untuk memburu Osama Bin Laden dan al-Qaeda, kononnya berkubu di Afghanistan.

Namun, sehingga kini, selepas berjuta-juta tan bom pelbagai jenis digugurkan di gurun, pergunungan, perkampungan, bandar dan majlis perkahwinan rakyat Afghanistan, kuasa besar kini gusar bercampur malu dan

serba-salah. Kata orang Johor, mereka berasa "kesempe" kerana tekaan mereka tidak betul.

Bagaikan bermain teka-teki, Iraq yang tidak pernah satu kepala dengan al-Qaeda, kini dikaitkan dengan kumpulan militan itu dan Osama. Kononnya

mereka berada di Iraq, oleh itu pemburuan mestilah dilakukan di negara pengeluar minyak kedua terbesar itu.

Tetapi China, Jerman, Perancis, Turki dan beberapa negara lain kini tidak lagi mahu tertipu dan tidak mahu lagi menyokong perang.

Cukuplah seluruh dunia mengalami masalah ekonomi ketika kuasa besar mengebom Afghanistan. Perdagangan hampir di seluruh dunia terencat kerana

perang itu. Belum sempat pulih, kini ekonomi dunia hendak digugat lagi dengan mengebom Iraq.

Oleh itu, setiap anak muda, mahupun wanita dan warga dewasa bukan saja menambah lebih sejuta tandatangan yang sudah dikumpulkan untuk keamanan sejagat tetapi mesti datang ke Konsert dan Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia, Ahad ini.

Tidak kira tandatangan anda untuk memastikannya dibukukan bersama untuk

simpanan Arkib Negara mahupun kehadiran anda untuk bertemu artis kesayangan pada perhimpunan raksasa di Stadium nasional Bukit Jalil itu.

Apa yang ada dengan sokongan dan kehadiran anda itu memberi nilai dan makna kepada keamanan sejagat.

Sementara menantikan kemuncak acara menyerahkan tandatangan anda dan memorandum keamanan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, minda akan disuntik visual erti keamanan dan sengsaranya kesan perang.

Antara halwa telinga dari petang ke malam minggu itu adalah dendangan suara Siti Nurhaliza, Soo Ai Ling, Acappan, Ning Baizura, Fazley, Siti Sarah, Nurul dan Ajai, Ezlynn, Intan Sarafina, Phyne Ballerz, Zainal Abidin, Rabbani, Ella, X-Factor, Elite, Pretty Ugly, Mala, Wardah, Haizi, Hattan, Lan A-Z, Shades dan XPDC.

Mereka semua cintakan keamanan. Tanpa keamanan, anak muda tidak akan mengecapi nikmat hidup seperti di Malaysia ini.

Tanyalah kepada remaja Palestin yang bersama pada perhimpunan itu nanti:

"Ada apa dengan peperangan?"